

**TEMA PERBUALAN REMAJA MALAYSIA
DALAM FACEBOOK**
*(THEME OF COMMUNICATION ON FACEBOOK AMONG
MALAYSIAN'S TEENAGERS)*

Nor Fazilah Noor Din

Hishamudin Isam

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Di sebalik kehebatan dunia Internet tanpa sempadan, komunikasi bersemuka secara perlahan-lahan telah diganti dan dilengkapi dengan komunikasi berperantara dalam media sosial. Populariti media sosial seperti *Facebook* saban hari menjadi faktor kepada golongan muda (remaja) memasuki ruang siber sebagai salah satu cara mewujudkan jaringan sosial, sehingga mampu membentuk bahasa komunikasi yang tersendiri. Atas pertimbangan tersebut, kertas kerja ini meneliti fenomena penggunaan bahasa remaja dengan memperinci aspek pengenalpastian tema perbualan remaja di *Facebook*. Dengan menjadikan Teori *Social Identity Theory* (SIT) sebagai landasan, kajian ini telah membuat tinjauan terhadap 200 paparan siaran (*Posting*) 60 remaja Malaysia, yang terdiri daripada 30 remaja lelaki dan 30 remaja perempuan untuk meneliti tema penulisan remaja di ruang utama status (*Post*) Facebook. Hasil penelusuran terhadap siaran (*posting*) menunjukkan bahawa tema perhubungan menjadi pilihan utama remaja Malaysia. Tiga perincian tema yang berjaya dikenal pasti ialah: i) aspek nilai, norma dan budaya, ii) tindakan bersama, serta iii) ikatan dan penyambungan. Selain tema perbualan, fenomenan berbahasa

remaja juga dapat dikaitkan dengan identiti, personaliti, serta emosi remaja dan satu gambaran profil remaja di Malaysia dapat dikeluarkan.

Kata kunci: Tema perbualan, remaja, *facebook*, siaran, perhubungan.

Abstract

Despite the greatness of the Internet without borders, face-to-face communication has gradually been replaced and equipped with intermediate communication in social media. The popularity of social media like Facebook every day is a factor for young people (adolescents) entering cyberspace as one way of creating social networks, thus creating a distinctive language of communication. In this regard, this paper explains the phenomenon of using the language of adolescents by specifying aspects of the teenage conversation theme on Facebook. By taking the Social Identity Theory (SIT) as the foundation, the study has conducted a survey on 200 posts Malaysian teenagers, consisting of 30 teenage boys and 30 teenagers to examine the theme of adolescent writing in the main room status (Post) Facebook. The search results on the post show that the relationship theme is the choice of Malaysian teenagers in their Facebook communications. There are three distinct themes that can be identified in this theme, i) aspects of values, norms and cultures, ii) joint action, also iii) bonding and connectivity. Research findings can be used to expose the language phenomenon among Malaysian teenagers. In addition to the language phenomenon, this finding can also explain the description of the language used based on the formation of the identity, personality, and emotion of Malaysian teenagers, and finally a mapping of teenage profiles in Malaysia can be formed.

Keywords: *Theme conversation, adolescent, facebook, post, relationships.*


Pengenalan

Keberadaan internet sebagai media informasi memberi kemudahan bagi setiap kalangan masyarakat dalam menjalankan segala tugas dan pekerjaannya. Melalui Internet, setiap orang dapat memperoleh informasi yang diinginkan dengan sangat pantas dan mudah. Selain

mengakses maklumat dan informasi, melalui Internet juga seseorang individu boleh berinteraksi dengan sesiapa sahaja tanpa mengira lokasi. Sejajar dengan perkembangan dunia dalam talian (Internet), muncul satu lagi platform yang begitu sinonim dengan masyarakat kita hari ini, iaitu media sosial (Saadiyah, 2016). Kemunculan media sosial ini telah menarik minat individu untuk berinteraksi antara satu sama lain. Pada masa yang sama, medium berinteraksi ini juga berfungsi untuk mengeratkan hubungan dengan dunia luar tanpa mengira batasan tempat dan waktu dalam pelbagai lapisan masyarakat.

Oleh hal demikian, perkembangan aplikasi media sosial telah menyaksikan golongan remaja yang berumur dalam lingkungan 11 hingga 21 tahun semakin banyak memasuki ruang siber (media sosial) seperti *Facebook*, *Instagram*, *WeChat*, *Twitter*, *LinkedIn*, *Tumblr* dan *blog*. Buktinya, golongan remaja mencatatkan jumlah pengguna yang utama dan aktif sebagai pengguna media sosial (Ellison, Steinfield & Lampe, 2007; Hargittai, 2007; Subrahmanyam, Reich, Waechter & Espinoza, 2008; Agung, Margaretha & Roestamadji, 2011; O’Keeffe, Clarke-Pearson & Council on Communications and Media, 2011; Lenhart, Madden, Smith, Purcell, Zickuhr, & Lee, 2011; Ahn, 2011; Normah, Wan Amizah, Fauziah, Maizatul Haizan & Helmi, 2013; American Academy of Pediatrics, 2013; Sri, 2017; Twenge, Joiner, Rogers & Martin, 2018). Internet dan media sosial dikatakan menjadi medium berkomunikasi lebih-lebih lagi dalam kalangan remaja kerana tidak ingin dikatakan “ketinggalan zaman” (Siti Ezaleila, 2015). Berdasarkan bukti-bukti tersebut jelas bahawa remaja menjadikan laman sembang (media sosial) sebagai salah satu cara berhubung, seterusnya bertindak sebagai agen sosialisasi antara satu sama lain.

Melalui penggunaan *Facebook*, individu mengambil kesempatan untuk berinteraksi sesama masyarakat dalam kalangan pelbagai peringkat umur (Madden, Lenhart, Duggan, Cortesi, & Gasser; 2005; Boase & Kobayashi, 2008; Lenhart, 2009a; Lenhart, 2009b; Lenhart, Madden, Smith, & Macgill, 2009; Lenhart, Purcell, Smith, & Zickuhr, 2010). Oleh yang demikian, tidak hairanlah *Facebook* menjadi media sosial yang popular berbanding dengan media sosial lain, seperti yang dipaparkan dalam graf di bawah, media sosial *Facebook* mewakili 2167 juta pengguna di dunia (*The Statistics Portal*, 2018).



Graf 1.0: Rangkaian media sosial yang paling berpengaruh di dunia (The Statistics Portal January, 2018)

Kepelbagaian dan perkembangan komunikasi dalam talian *Facebook* memperlihatkan suatu fenomena luar biasa sehingga telah membawa pengaruh yang besar terhadap pola komunikasi. Murphie dan Potts (2017) memberi gambaran bahawa teknologi yang ada pada masa ini telah menjadi agen perubahan sosial dalam kalangan masyarakat. Tidak ketinggalan golongan remaja (yang merupakan pengguna utama rangkaian sosial *Facebook*) turut menjadikan medan ini sebagai pentas bersosial dalam membicarakan sesuatu isu dan pandangan.

Objektif Kajian

Kajian ini berfokus kepada mengenal pasti tema perbualan di *Facebook* dalam kalangan remaja di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga menyenaraikan personaliti remaja berdasarkan perbualan mereka di *Facebook* seterusnya profil remaja Malaysia dapat digambarkan.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian-kajian berkaitan bahasa ujaran (dalam komunikasi) sudah acap kali dijalankan, baik kajian di dalam negara mahupun kajian antarabangsa. Kajian oleh Zaitul Azma, Ahmad Fuad, dan Mohd Nur Hafizudin (2011), Ghazali dan Shamsudin (2016), Nor Shahila, Roslina, dan Rozita (2017), Mohd Zuwairi dan Normah (2018), Maslida (2018), Murugan (2018), Rani dan Arief (2018), serta Sabrina (2018) misalnya telah meneliti tentang pola interaksi yang berlaku dalam masyarakat, khususnya masyarakat Melayu. Selain itu, Rosmawati (2011), Norizah, Hasrina, dan Adnan (2011), Mohamed Nazul, Ellyza, Manisah, Normah, dan Haliza (2014), Salim, HainesSaah, Arfan, TamTham, Mohammad, Hemmelgarn, dan Turin (2017), Kawate dan Patil (2017), Ahmed, Zhou, Deng, dan Zhang (2018), serta Swart, Peters, dan Broersma (2018) pula telah merungkai tentang topik atau tema yang digunakan oleh pengguna bahasa dalam media sosial.

Kajian oleh Mohd Zuwairi dan Normah (2018) memfokuskan kepada trend dan pengkategorian kandungan mesej *Twitter* oleh ketua parti politik yang melibatkan pihak kerajaan, iaitu Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak dan pihak pembangkang, yang diwakili oleh Dato' Sri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dalam arena politik Malaysia. Analisis isi kandungan telah dilakukan terhadap 216 status yang telah dikemas kini sepanjang 12 hari tempoh berkempen Pilihan Raya Negeri Sarawak. Kajian mendapati bahawa ketua ahli politik menumpukan kepada kategori mesej informasi sepanjang tempoh berkempen berbanding kategori lain.

Norizah, Hasrina, dan Adnan (2011) membincangkan tentang kekerapan dan corak penggunaan IM (*Instant Messaging*) di tempat kerja. Kaedah analisis tematik (analisis perbualan) dijalankan untuk mengenal pasti tema khusus mengenai motif penggunaan IM di tempat kerja. Dapatan kajian menjelaskan bahawa motif penggunaan IM bertujuan menyediakan pesanan kerja, mendapatkan maklumat, mengekalkan hubungan bersama, dan menyatakan perasaan.

Kajian Mohamed Nazul, Ellyza, Manisah, Normah, dan Haliza (2014) pula bertujuan untuk melihat tema perbincangan dan sumbangan komuniti maya menggunakan aplikasi *WhatsApp* dalam perkhidmatan komunikasi. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat lima tema utama, iaitu capaian, motivasi, penyertaan, pertukaran maklumat, dan pembentukan pengetahuan.

Rumusannya, kajian yang dijalankan pengkaji lalu berkaitan tema perbualan dijalankan secara terpisah-pisah yang hanya berfokus kepada struktur permukaan semata-mata, sedangkan kajian ini boleh diperkembang dalam spektrum yang lebih meluas, lebih-lebih lagi melibatkan tema perbualan remaja sehingga dapat menyerlahkan identiti, personaliti, dan emosi remaja.

Social Identity Theory (Sit) dan Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif berpandukan kepada *Social Identity Theory (SIT)*. Teori yang diperkenalkan oleh Henri Tajfel ini bakal menjelas dan memperkenalkan konsep identiti sosial sebagai cara untuk menerangkan kelakuan antara kumpulan. Selain itu, SIT sebagai suatu teori psikologi sosial utama yang melihat kepada hubungan antara kumpulan dengan struktur sosial. Seperti yang dijelaskan oleh McKeown, Haji, dan Ferguson (2016), prinsip utama SIT adalah meneroka hubungan antara identifikasi dan peraturan tingkah laku dalam kumpulan. Kajian ini dijalankan dengan tinjauan terhadap 200 siaran *posting* dalam kalangan 60 remaja Malaysia (yang terdiri daripada 30 remaja lelaki dan 30 remaja perempuan) berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan, iaitu:

- i) Siaran *Facebook (Posting)* yang dipilih untuk tujuan kajian mestilah daripada remaja Malaysia yang berumur antara 13 hingga 21 tahun. Julat umur ini diambil atas pertimbangan oleh Gordon (2018) dan Giedd (2018).
- ii) Siaran *Facebook (Posting)* yang dipilih untuk tujuan kajian ini mestilah responden yang mempunyai jumlah rakan yang melebihi 2000 senarai rakan.

- iii) Siaran *Facebook (Posting)* utama merupakan hasil penulisan responden (remaja yang aktif dan kerap mengemas kini siaran *(Post)* melebihi 30 kali dalam sehari.
- iv) Responden menggunakan 85% bahasa Melayu bukan standard (bahasa lisan) sebagai bahasa utama komunikasi semasa mengemas kini siaran *(Posting)* di *Facebook*.
- v) Siaran *Facebook (Posting)* yang dipilih untuk tujuan kajian merupakan siaran yang telah mendapat 650 kesukaan *(Like)* dan melebihi 300 komen *(Comment)* daripada khalayak pembaca. Jumlah kesukaan dan komen yang tinggi boleh dianggap telah berlakunya suasana komunikasi yang aktif dalam kalangan pengguna.

Perkara utama yang menjadi perhatian untuk diteliti dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan tema perbualan dan penjelasan tema yang dibicarakan remaja Malaysia di *Facebook*. Bahasa ujaran yang digunakan remaja dalam *Facebook* secara tidak langsung mampu menggambarkan identiti dan personaliti remaja melalui bahasa tulisan mereka. Penyelidikan yang dijalankan ini merupakan satu bentuk penelitian awal dalam usaha mendapatkan pola atau identiti remaja melalui bahasa yang digunakan di *Facebook* secara tidak sengaja.

Analisis dan Perbincangan

Hasil analisis telah menunjukkan tema perbualan menjadi pilihan remaja di *Facebook*. Tanpa disedari, remaja kerap mengaplikasikan penggunaan tema perhubungan semasa berinteraksi di *Facebook*. Secara praktiknya, dapat dikatakan bahawa perhubungan ialah pertalian antara individu dan masyarakat yang melibatkan persoalan nilai, norma, dan budaya antara seorang individu dengan seluruh anggota kumpulan (Anayet dan Md. Korban Ali, 2014). Norris (2002) memberikan dua istilah yang bersangkutan dengan konsep perhubungan, iaitu *bonding and bridging* (ikatan dan penyambungan) yang bertujuan menghubungkan perbezaan individu dalam sesebuah kelompok sosial. Penyambungan ikatan (*bonding and bridging*) ini boleh diklasifikasikan sebagai kesatuan yang menjadi perantara antara seseorang individu dengan individu lain, sama ada ahli keluarga,

pasangan, atau ahli dalam komuniti. Oleh itu, berdasarkan konsep dan istilah yang dinyatakan oleh pengkaji lalu, siaran (*posting*) remaja yang diperoleh melingkungi tema perhubungan dipaparkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1.0: Di Statistik Pengkategorian Tema

TEMA	SUBTEMA	SR				SM				IPT				BK				JUMLAH SIARAN
		L		P		L		P		L		P		L		P		
		B	LB	B	LB	B	LB	B	LB	B	LB	B	LB	B	LB	B	LB	
Perhubungan	Nilai, Norma & budaya	0	1	0	0	2	1	2	1	0	0	1	0	0	0	1	0	61
	Tindakan bersama	0	0	0	0	1	2	0	1	1	1	0	0	2	1	2	1	
	Ikatan & penyambungan	1	1	1	2	5	4	4	3	2	3	3	2	3	3	2	1	
Ekonomi	Kewangan	0	0	0	0	0	0	0	0	3	2	1	2	7	2	3	2	48
	Taraf Hidup	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2	0	0	7	2	1	1	
	Pengetahuan	0	0	0	0	0	0	0	0	3	1	0	0	2	3	2	0	
Politik	Krisis Politik	0	0	0	0	0	0	0	0	2	1	1	1	6	2	1	2	44
	Pemimpin	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1	3	1	2	1	
	Isu semasa	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	1	0	2	3	2	2	
	Nilai patriotik	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	1	3	1	1	

Penunjuk:

SR: Sekolah Rendah

SM: Sekolah Menengah

IPT: Institusi Pengajian Tinggi

BK: Bekerja

L: Lelaki

P: Perempuan

B: Bandar

LB: Luar Bandar

Berdasarkan pengkategorian tema yang telah dibuat dalam jadual 1.0, tema perhubungan menunjukkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi berbanding dengan tema lain. Berikut dipaparkan 30 contoh siaran yang mengaplikasikan tema perhubungan.

Jadual 1.1: Senarai Siaran (*posting*) tema perhubungan


1. Dia dh putus 🗑️ knpe kw pkse sya untk tnggalkn kau .. knpe hrus ini yg brlaku .. pdhal sye dh jga kau baik2 sye dh bgi prhatian spnuhnya ngan kau .. dmne sye prgi .. sye x lupa untk bwah kau skali .. tpi mngapa mmilih untk putus ?? 🗑️ tlong lh sye x nk kau hlang bgtu jee .. sye x nk buang kau .. sye syg kau mcm nyawa sye sndri .. tlong jngn buat sye hampa .. jngn buat sye mcm ni .. kmbali lah .. 😞 #×pemah×sayang [P/SR/B/12/6]

2. Jujur i ckp..i **rindu** you..i **syg** you..i xnk kehilangan you..why you not seen or reply my chat..why??=-..you mrh kat i ke pasal i xcaye you tu??..ok i minta maaf..i bkn xcaye you..tp i ragu2 je..caye tu caye..xpela..mungkin you mrh sgt kat i..its ok..take your time baby..Hakim [P/SM/LB/16/2]
3. Aku hanya tengok **hati**, bukan paras rupa “really?!ne question for you” Kalau betulkau jenis tidak memilih paras rupa,cuba bayangkan **kekasih** kau bibirnya sumbing atau cacat “masihkah kau setia kepadanya?! Jawab pakai hati! bukan dengan mulut, kerna mulut banyak menipu melainkan hati. Jangan kata nak **setia**, maybe nak stay bersama **si dia** itu pun susah.👉 Sebenarnya Aku Tak Faham Knp Ad Org Yg **Curang** Dkt Org Yg Dah Setia Knp Ekk;? [P/SM/LB/17/22]
4. Saya cbr awak.klau awak bgi pickup-line dkt saya..and saya cair..saya **cpl** dgn awak..hahaha..gurau ii..saya bkn golong [P/IPT/B/18/22]
5. Ni knpa bru form 2, dh minta **bkn ii** dkt gf org ?? **Murahnya diri** ko, offer ‘**brg hot**’ kau, Hati ii Yg girl lain bleh block awal ii Caption this ..sorry tag [L/SM/LB/17/1]
6. Hai boys minat xdgn adk mnje, adk mnje nk **ofer** abg2 d luar sne... klu prlu **khidmt** mnje, pm ae.. [P/SM/B/16/2]
7. Wtf Budk tu **tayang pepepek** dia kat aku.. [L/SM/B/17/3]
8. **Come larh..** Lepak2, mkn2 dgn abg! abg **blnje**’ adk pulk, sm2 **puas**, win! [L/IPT/B/18/7]
9. **Bgoncang tlg rusuk** abg, tgg **sygg**... bgetah, marila jmp abg, abg bg ‘**gift**’. jgn mlu jgn segn, pm.. [L/BK/B/18/8]
10. Ap nk jd l bdk melyu zmn skrg, muka lw hensem, prgai maciam **syaitonn..** pmpn taraf **pelacur..** keluar masuk **hotel** murh.. puihh.. aku peratii jerr [L/SM/B/17/4]
11. Memang dasar **tak puas nafsu**, ak kalau tak up stst ni, org xtau, Please hati2 gaiss, **anak dra** org **sebat** ikut sk nfsu dia. Jgn sampai adk2 dn drikau **tjual** sudhla! [L/SM/B/17/5]
12. perosak bangsa engkaulah b***nat***ng, tak dapat awex ak, spp aku kau **test drive**. **puas nafsu** macam kau sy**tan. >banyak kerja lain boleh dibuat, perosk ank2 **dra** org, celaka! [L/SM/B/17/6]
13. Kalau sye **tidur** dgn org, awak susah ape? Sye nak **ciuman** nk **pelukan** nak **kongkek** awk peduli awak, badan sye. sye bkn hak spe” sye hak smua laki” yg blh **puaskn** sye, itu sje [P/SM/B/17/9]
14. Dia kanto **curang!** Me tgg dgn mta kepala me sdri kot, **bf** dgn ntah dtg mne **bulshit** girl dlm blk **hotel**, hye2 bye2 ! [P/BK/B/18/10]
15. Jahat an **pakwe** dia, main **tarik girl** masuk hotel, wtf! Adoi, nk bgtau gf dia, kwn baik aku doh...ap blh ku buat fren?? [P/SM/B/17/11]
16. Gerak dulu beb! Join **org2 kampung**, cuci2, tebas2 hutan, clearkn logkg tsumbat, alikahnya, 2h lps, kg ku **diserang denggi** lorh... [L/BK/LB/20/2]

17. **Lepak2** kedai kopi, smbil mmbwang, ko igt xde ke pakcik bwg?! Ap korank expek?? Hhhaa [L/BK/LB/20/5]
18. Alahai, **jiran** km ni, demam denggi bdarah. Takut la pulak.last week, india baris blkg ni suspek denggi, msh admit. Kena jaga2 guest! [L/IPT/B/19/2]
19. Ya Allah, kesiannya.. sana sini kisah buang baby.. ermm apa nk jd, **msyrkt** muda skrg. Bukan anjg, **mnusia** kot, ank kcil, xbdosa .. sedihh btl la [P/SM/B/17/21]
20. Klu kt xjaga, sapa lg, sma2 bantu, tlg. **Masyrkat** kt aman, brsih. Jgn la selfish boodh! Xmau tlg xpe, mulut tu jgn bunyi ikut sdp ja.. ermm. #parohh [L/SM/LB/16/2]
21. aku dah biasa **pujuk hati** sendiri, xpelah aku sedar weyy aku siapa ? aku tak sepenting org lain. Dlu ssh, ngis c raku, skrg dh ada **kwn** baru, dh lupa aku, tengok pun xnak! Aku buat dosa ap ya sahabat?? [L/BK/LB/20/2]
22. Asal hensem jek masing2 gatal nak **kenai** nak Kawan,abis aku yang hodoh ni?xlayak Kawan dngn orang yg cantik edit gune b612 ke😂😂😂 salam **perkenalan**, aku ramah, baik hati.. haahaa terpuji dri sdri [L/SM/B/14/12]
23. Kata ikhlas berkawan😂 tapi seen tu bukan ikhlas tu bila memerlukan je cari kepala otak engko😂 #nak **berkawan** pon memilih ke😂 #syaiton betul😂 [L/SM/B/16/6]
24. **Brsama memb2**, hujg minggu, ronda2 mandi ar terjun ngn abg meh... maii laa.. hahhaa [L/IPT/B/20/27]
25. **Lepak** ngn kawan. jom! Cut2 ni ambik udara luar.. [L/BK/B/18/27]
26. dia juga sllu bt aq **happy**😂 ..Dia slalu mrh aq😂 ..dn dia juga yg pujuk aq😂 ..tpi dia juga slalu syg aq👫...Aq rindu dia yg dlu ya allah🙏.Aq rindu muka dia. ..Aq **rindu** senyuman dia😂..Aq rindu suara dia👂)..I miss everything about u dear ibu😂 [P/SM/LB/21/2]
27. Selamat Hari Lahir buat **Ibu** yang tersayang ni, dan terima kasih buat Abah yang telah **membahagiakan** Ibu, terima kasih juga kerana telah **melahirkan** kami, **mendidik dan menyayangi** kami, semoga kebahagiaan ini kekal hingga ke syurga. [P/SM/B/16/4]
28. Hargaila mk ayh kt, krja brt utk tmpg **sefamili**. Xmmpu wg ringgit, doakn mrk siht2 shj.. [L/SR/LB/13/2]
29. Selamt hari lahir bu abah, kita **cuti2** lagi yak next month! [L/SM/B/17/12]
30. “jgn tegur akulah, kubur masing2 kan!”
haa betul la tu kubur masing2, esok dah mati nanti, jgn cr **adik bradik** kau, golek sendiri masuk kubur tau,
#deep time gaduh xfikir ye, dia tu drh dgg kau [P/BK/B/20/20]

Berdasarkan penelitian terhadap 30 contoh siaran *posting* remaja di *Facebook*, hasil dapatan menunjukkan beberapa perincian bagi setiap subtema yang ditemui. Rajah 1.0 di bawah memaparkan

gambaran keseluruhan tema perhubungan, subtema bagi perhubungan, dan perincian isu bagi setiap subtema.



Rajah 1.0: Tema perhubungan, subtema perhubungan, dan perincian subtema.

Semua subtema dan perinciannya yang dikenal pasti turut dibuktikan melalui proses kesahan *Lexical Unit Index* melalui pangkalan data leksikal *FrameNet*. Melalui pangkalan data ini, semakan secara rujuk silang boleh dibuat antara bukti leksikal yang diperolehi dengan maklumat yang tertera dalam pangkalan. Pada masa yang sama, pangkalan data ini boleh mendapatkan maklumat atau konsep bagi leksikal dengan pantas, cepat, dan tepat untuk keperluan kajian.

Berdasarkan rajah 1.0, tiga perincian tema yang berjaya dikenal pasti ialah: i) nilai, norma dan budaya, ii) tindakan bersama, serta iii) ikatan dan penyambungan. Selain subtema tersebut, hasil dapatan menunjukkan empat spektrum yang melingkari tema perhubungan, iaitu hubungan antara kumpulan sahabat (persahabatan), antara sesama pasangan (percintaan), hubungan kekeluargaan, dan hubungan yang berlaku dalam komuniti setempat.

Dapatan menunjukkan isu percintaan dilihat sebagai subjek utama yang dibicarakan oleh remaja pada masa kini berbanding tema

lain, lebih-lebih lagi bagi kelompok remaja perempuan sekolah menengah, sekolah rendah dan remaja di IPT, sama ada datangnya dari lokasi bandar atau luar bandar. Contohnya siaran yang ditulis oleh [P/SM/LB/16/2], [P/SM/LB/17/22], [P/SR/B/12/6] dan [P/IPT/B/18/22] dinyatakan seperti dalam jadual 1.1, halaman 5. Hal ini turut dibuktikan dengan adanya lima perincian isu yang melingkari isu percintaan, iaitu i) krisis percintaan, ii) ekspresi emosi, iii) kesetiaan, iv) peluang membina hubungan, dan v) hubungan intim (rujuk jadual 1.2).

Jadual 1.2: Contoh siaran (*posting*) subtema percintaan

AYAT	RESPONDEN	BUKTI LEKSIKAL	ISU
1	[P/SR/B/12/6]	[ptus],[tnggalkn kau], [hlang], [buang], [hampa], [kmbali lah ..]	krisis percintaan
2	[P/SM/LB/16/2]	[i rindu you], [i syg you], [i xnk kehilangan you..] ok i minta maaf..i bkn xcaye you..tp i ragu2 je.]	ekspresi emosi
3	[P/SM/LB/17/22]	[tidak memilih paras rupa], [masihkah kau setia kepadanya?!] , [hati!] [nak stay bersama si dia itu pun susah], [Org Yg Curang Dkt Org Yg Dah Setia Knp Ekk?]	Kesetiaan
4	[P/IPT/B/18/22]	[saya cpl dgn awak..]	peluang membina hubungan

Bahagian ini dimulakan dengan penjelasan bagi subtema percintaan. Fadzilah Kamsah dan Syaidatun Nazirah (2008) memberikan definisi cinta sebagai pertalian kasih sayang merangkumi aspek spiritual, emosi, fizikal, intelektual, dan sosial antara individu yang terlibat. Isu pertama yang dibicarakan remaja dalam tema percintaan adalah, krisis dalam percintaan, contohnya dalam siaran pertama oleh [P/SR/B/12/6] (rujuk jadual 1.1, halaman 5). Dapatan menunjukkan, perkongsian *posting* remaja berkaitan kisah percintaan yang ditempuh telah dilanda dugaan sehingga menemui titik

kegagalan atas faktor-faktor tertentu, seperti rasa tidak sefahaman antara pasangan remaja dan kehadiran individu ketiga dalam perhubungan. Perkara ini jelas seperti terkandung dalam SIT, yang menjelaskan hubungan antara kumpulan, konflik dalam kumpulan, atau kerjasama antara kumpulan (Tajfel & Turner, 1979).

Melalui subtema percintaan, remaja turut berkongsi ekspresi perasaan cinta melalui pelahiran kata-kata romantik kepada sasaran untuk tatapan dan bacaan khalayak di Facebook seperti yang dibicarakan oleh [P/SM/LB/16/2]. Hal ini dijelaskan oleh Khairul Ghazali (2009), bahawa individu bercinta memiliki satu kesedaran jiwa (psikologi) sehingga muncul perasaan sentimental atau romantik daripada hati pencinta terhadap kekasih dengan sepenuh perasaan, asmaradana, dan kegembiraan. Pernyataan tersebut jelas selari dengan SIT yang mengetengahkan aspek kebebasan dalam kumpulan, dan teori yang dibangunkan ini turut menjadi teori psikologi tentang fenomena hidup berkumpulan (Dashtipour, 2012).

Aspek kesetiaan dalam percintaan bukanlah satu perkara asing dalam kalangan remaja. Remaja perempuan khususnya menyuarakan hasrat atau harapan akan pasangan yang setia atau pasangan yang memiliki keteguhan hati dalam menjalani kehidupan berpasangan (percintaan). Melalui perkongsian yang dibuat oleh remaja dalam siaran *posting* [P/SR/B/12/6], [P/SM/LB/17/22], dan [P/BK/B/18/10], rata-rata remaja membicarakan isu berkaitan konflik 'cinta tiga segi', yang melibatkan pasangan yang mempunyai hubungan rahsia bersama-sama individu lain dalam satu masa.

Antara aspek lain yang terdapat dalam subtema percintaan ialah peluang untuk membina hubungan (percintaan) seperti yang dibicarakan oleh responden [P/IPT/B/18/22]. Mead (1968) berpendapat bahawa zaman remaja merupakan satu zaman peralihan daripada kanak-kanak kepada dewasa, dan pada masa yang sama telah terjadi proses perkembangan meliputi perubahan-perubahan yang berhubung dengan perkembangan psikoseksual dan hubungan remaja dengan orang sekeliling. Berdasarkan faktor tersebut, pada peringkat ini remaja dilihat cenderung untuk memulakan sesuatu perhubungan baharu dengan orang sekeliling, iaitu tahap yang lebih

serius berbanding dengan hubungan persahabatan. Pada masa yang sama, pengaplikasian SIT juga merupakan satu proses yang dikaitkan dengan pembentukan kumpulan atau pembinaan taluan hubungan. Berdasarkan analisis data, remaja lelaki menjadikan ruang dan peluang berkomunikasi di Facebook untuk mencari kenalan baharu yang difikirkan sesuai untuk dijadikan pasangan (seperti dalam jadual 1.1).

Selain itu, remaja Malaysia, khususnya remaja sekolah menengah dan IPT di bandar (contohnya responden [L/SM/LB/17/2], [P/SM/B/16/2], [L/SM/B/17/3], [L/BK/B/18/8], dan [L/IPT/B/18/7]) yang menyuarakan isu hubungan intim secara terbuka. Jadual 1.2 di bawah dapat menunjukkan seorang remaja perempuan dan tiga remaja lelaki bandar yang membicarakan aspek hubungan intim. Antara perincian bicara mereka adalah membuka peluang (melalui siaran *posting* Facebook) untuk melakukan hubungan intim dengan pasangan yang tidak dikenali. Pada masa yang sama, tiga remaja lelaki dan tiga remaja perempuan di lokasi bandar ([L/SM/B/17/6], [P/SM/B/17/9], [P/BK/B/18/10], dan [P/SM/B/17/11]) berbicara tentang pengalaman rakan-rakan dalam soal hubungan seks bawah umur (rujuk jadual 1.3 di bawah). Penggunaan bahasa kasar dan berkonotasi negatif serta menjurus kepada hubungan intim dalam kalangan individu bawah umur (khususnya remaja) pada hari ini, begitu membimbangkan. Khaidzir dan Khairil (2011) turut membuktikan bahawa mental kognitif remaja Malaysia hari ini begitu rendah dalam menilai hukum halalnya suatu perbuatan. Hal ini secara tidak langsung boleh membawa kepada peningkatan statistik tingkah laku berisiko dalam kalangan remaja, khususnya remaja Islam. Seperti yang dinyatakan Tajfel (1978) dalam SIT, interaksi yang berlaku akibat perbezaan nilai pada satu pihak boleh menjadi punca kepada perpecahan sosial.

Bentuk interaksi sosial yang dahulunya bersifat bersemuka, sedikit sebanyak telah diambil alih oleh peranan media sosial sebagai medium untuk berhubung antara satu sama lain. Atas faktor tersebut, interaksi yang berlaku bukan hanya melibatkan komuniti setempat, malah secara tidak langsung komuniti alam maya juga dijadikan medium perhubungan. Penyelidikan oleh Ridings dan Gefen (2004), Bigge (2006), dan Budiman (2008) pula menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna memperuntukkan sejumlah masa harian mereka di laman

Jadual 1.3: Contoh siaran (*posting*) isu hubungan intim

AYAT	RESPONDEN	BUKTI LEKSIKAL	ISU
5	[L/SM/LB/17/2]	[dh minta bkn ii dkt gf org ??] [Murahnya diri ko, offer 'brg hot' kau]	
6	[P/SM/B/16/2]	[minat], [adk mnje nk ofer abg2], [khidmt mnje, pm ae..]	Peluang melakukan hubungan intim
7	[L/SM/B/17/3]	[Wtf], [tayang pepepek]	
8.	[L/BK/B/18/8]	[Bgoncang tlg rusuk abg, tgg sygg...], [marila jmp abg, abg bg 'gift'] [jgn mlu jgn segn, pm..]	
9.	[L/IPT/B/18/7]	[Come larh..], [abg blnje' adk pulk, sm2 puas]	
10.	[L/SM/B/17/4]	[prgai maciam syaitonn], [taraf pelacur], [kluar masuk hotel murh..]	pengalaman rakan-rakan lain dalam
11.	[L/SM/B/17/5]	[tak puas nafsu], [anak dra org sebat ikut sk nfsu dia], [adk2 dn drikau tjual]	soal hubungan seks bawah umur
12.	[L/SM/B/17/6]	[per0sak bangsa] engkaulah [b*nat*ng], [tak dapat awex ak, spp aku kau test drive], [puas nafsu macam kau sy**tan], [perosk ank2 dra org] [celaka!]	
13.	[P/SM/B/17/9]	[tidur dgn org, awak susah ape? Sye nak ciuman nk pelukan nak kongkek awk peduli awak, badan sye] [sye hak smua laki" yg blh puaskn sye]	
14.	[P/BK/B/18/10]	[kantoi curang!], [bf dgn ntah dtg mne bulshit girl dlm blk hotel]	
15.	[P/SM/B/17/11]	[Jahat an pakwe dia], [main tarik girl masuk hotel], [wtf!]	

sosial bagi tujuan mewujudkan perhubungan dengan komuniti. Seperti yang dijelaskan dalam SIT, kumpulan manusia memiliki saling kaitan (sikap, tingkah laku, dan adat) yang menunjukkan kesamaan atau perbezaan yang saling melengkapi antara satu sama lain dalam kumpulan sosial mereka.

Remaja lelaki pada tahap sekolah menengah, penuntut IPT, dan remaja bekerja begitu peka pada persekitaran komuniti. Contohnya, responden [L/BK/LB/20/2], [L/BK/LB/20/5], [L/IPT/B/19/2], [P/SM/B/17/21], dan [L/SM/LB/16/2] (rujuk jadual 1.4). Remaja yang mempunyai nilai sivik tinggi membicarakan tentang kepentingan menjaga hubungan dalam kalangan anggota masyarakat, serta tanggungjawab masyarakat untuk memakmurkan komuniti dalam pelbagai perkara, seperti keselamatan, kebersihan, dan keharmonian. Jadual 1.4 di bawah menunjukkan siaran (*posting*) yang dibicarakan remaja berkaitan subtema komuniti.

Jadual 1.4: Contoh siaran (*posting*) subtema komuniti

AYAT	RESPONDEN	BUKTI LEKSIKAL	ISU
16	[L/BK/LB/20/2]	[Join org2 kampung, cuci2, tebas2 hutan, clearkn logkg tsumbat]	Peranan – ahli komuniti bergotong-royong
17	[L/BK/LB/20/5]	[Lepak2 kedai kopi, smbil mmbwang]	Beriadah bersama komuniti
18	[L/IPT/B/19/2]	[jiran km ni, demam denggi bdarah], [india baris blkg ni suspek denggi, msh admit]	Krisis dalam komuniti – wabak denggi
19	[P/SM/B/17/21]	[sana sini kisah buang baby..], [ermm apa nk jd, msyrkt muda skrg], [sedihh btl la]	Krisis – isu pembuangan bayi
20	[L/SM/LB/16/2]	[sma2 bantu, tlg. Masyrkat kt aman, brsih], [Jgn la selfish boodh!]	Tanggungjawab

Selain itu, remaja [L/BK/LB/20/2] dan [L/BK/LB/20/5] juga membicarakan kepentingan menjalinkan hubungan baik sesama jiran tetangga melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti kemasyarakatan bersama-sama seperti yang dipaparkan dalam contoh siaran 16 dan 17 (dalam jadual 1.1, halaman 5). Pengkategorian ini dibuat berdasarkan pertimbangan SIT yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada konsep diri, malah keanggotaan dalam kumpulan turut menjadi tumpuan. Contohnya, perkara yang jelas di sini seorang remaja itu turut melihat dirinya sebagai ahli awam dan bertindak dalam masyarakat. Oleh sebab itu, antara aktiviti kemasyarakatan yang dibicarakan oleh remaja dalam siaran *posting* di Facebook ada lah bekerjasama dalam aktiviti gotong-royong, seperti membersihkan kawasan perumahan yang terlibat dengan penularan demam denggi. Sebilangan remaja (khususnya remaja lelaki luar bandar) juga dilihat menyiarkan tentang aktiviti beriadah bersama penduduk kampung.

Remaja turut membicarakan krisis atau isu semasa yang menjadi perhatian komuniti setempat, misalnya penularan wabak demam denggi di sekitar perumahan oleh responden [L/IPT/B/19/2]. Selain itu, isu pembuangan bayi juga menjadi topik yang melingkari perbualan mereka di Facebook ([P/SM/B/17/21]). Berikutan berita pembuangan bayi yang semakin berleluasa, kelompok remaja dilihat turut menunjukkan sifat mengambil berat, prihatin, dan luahan rasa empati terhadap isu ini (rujuk siaran nombor 18 hingga 20, seperti dalam jadual 1.1).

Selain subtema komuniti, subtema persahabatan juga boleh digolongkan dalam spektrum perhubungan. Suresh (2013) berpendapat bahawa persahabatan mampu mewujudkan platform sosialisasi dan interaksi sosial dalam kalangan individu. Antara aspek yang dibicarakan remaja lelaki tahap sekolah menengah, remaja IPT, dan remaja bekerja (dari lokasi bandar dan luar bandar) dalam skop persahabatan ialah, i) krisis persahabatan, ii) perkenalan, iii) ekspresi emosi, dan iv) aktiviti (rujuk jadual 1.5 di bawah).

Jadual 1.5: Contoh siaran (*posting*) subtema persahabatan

AYAT	RESPONDEN	BUKTI LEKSIKAL	ISU
21	[L/BK/LB/20/2]	[pujuk hati sendiri], [aku tak sepeenting org lain], [ada kwn baru, dh lupa aku, tengok pun xnak!], [Aku buat dosa ap ya sahabat??]	Krisis persahabatan
22	[L/SM/B/14/12]	[kenai], [nak Kawan], [xlayak Kawan dgn orang yg cantik], [salam perkenalan, aku ramah, baik hati..]	Perkenalan
23.	[L/SM/B/16/6]	[Kata ikhlas berkawan, tapi seen tu bukan ikhlas tu bila memerlukan je cari kepala otak engko], [syaiton betul]	Ekspresi emosi
24.	[L/IPT/B/20/27]	[Brsama memb2], [hujg minggu], [ronda2 mandi ar terjun]	Aktiviti

Persahabatan berkembang dalam diri setiap individu ketika dia menyedari bahawa dirinya ialah makhluk sosial (Burk & Laursen, 2005). Tidak hairanlah, remaja telah menjadikan rakan sebaya mereka sebagai sarana untuk menyesuaikan diri dalam lingkungan sosial seperti yang digariskan dalam SIT. Bertitik tolak itu, dalam menjalinkan hubungan tersebut, isu pertelingkahan menjadi agenda utama yang dibicarakan remaja di *Facebook*, misalnya melalui pengucapan yang kurang sopan seperti siaran [L/BK/LB/20/2]. Selain itu, sebilangan remaja yang mengutarakan isu secara tidak langsung melalui ungkapan berlipik dalam bentuk nasihat.

Selain aspek kegagalan dalam bersahabat, kebanyakan remaja dalam lingkungan umur antara 11 hingga 21 tahun, sering kali menjadikan platform media sosial sebagai satu medan untuk bersosial seperti berkenalan, mencari rangkaian rakan baharu, mengembangkan emosi dan empati serta memotivasi diri (Dariyo, 2015). Remaja gemar menjadikan rakan di alam maya sebagai sahabat baharu walaupun

tidak pernah bersua muka atau bertegur sapa, hal ini bertujuan bagi menambahkan jumlah kenalan dan meluaskan jaringan perhubungan sesama rakan. Selain berkomunikasi dan memperoleh rakan, remaja menggunakan media sosial untuk meluahkan rasa hati berkaitan sikap sahabat mereka, sama ada dalam bentuk positif atau negatif, seperti yang dinyatakan dalam contoh siaran 22 dan 23. Sebilangan remaja membicarakan tentang sifat baik sahabat yang boleh dijadikan pengajaran kepada khalayak, tidak kurang juga yang meluahkan rasa kurang senang terhadap sesuatu tindak tanduk sahabat kepada khalayak umum (seperti yang dibicarakan oleh remaja [L/SM/B/16/6] dan [L/SM/B/14/12]).

Selain luahan emosi terhadap sahabat, remaja Malaysia juga sering berkongsi aktiviti yang dijalankan dalam mengeratkan sesebuah ikatan persahabatan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah aktiviti bermotosikal, bersiar-siar, dan beriadah [L/IPT/B/20/27]. Hasil kajian mendapati, aktiviti yang dikongsi remaja di Facebook lebih bersifat aktiviti kegemaran pada masa lapang atau persamaan hobi sesama rakan sebaya seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.1 (halaman 5).

Empat perincian yang menyerlahkan subtema kekeluargaan ialah, i) ekspresi emosi, ii) aktiviti, iii) peranan, dan iv) krisis keluarga. Dalam aspek ekspresi emosi, remaja Malaysia seperti ([P/SM/B/16/4] dan [L/SR/LB/13/2]) memaparkan keakraban dan hubungan mesra dengan ibu bapa, adik beradik, dan saudara mara melalui ungkapan seperti 'membahagiakan', menyayangi' dalam siaran 26 dan 27 (dalam jadual 1.1, halaman 5). Melalui subtema kekeluargaan juga, remaja mendedahkan aktiviti yang dijalankan bersama-sama keluarga seperti aktiviti percutian dan sambutan ulang tahun kelahiran. Melalui aktiviti percutian, remaja telah berkongsi tentang suasana, perasaan kegembiraan, dan kegiatan dalam tempoh percutian. Berdasarkan *posting* remaja, kajian menunjukkan sambutan hari lahir dalam kalangan ahli keluarga begitu sinonim bagi meraikan atau sebagai bentuk penghargaan terhadap ahli keluarga masing-masing. Sambutan hari lahir yang dikongsi remaja (misalnya remaja [P/SM/B/16/4] dalam siaran 26, jadual 1.1) boleh berupa agenda jamuan ringkas, agenda bertukar-tukar hadiah, mahupun ada sebilangan yang menyambut hari lahir dalam bentuk ganjaran percutian.

Selain itu, dapatan menunjukkan remaja perempuan pelbagai tahap pendidikan (sama ada dari lokasi bandar atau luar bandar) gemar menggunakan platform media sosial untuk membicarakan peranan ahli keluarga dalam kehidupan. Misalnya, remaja [L/SR/LB/13/2] yang telah berkongsi tentang tugas, pekerjaan, tanggungjawab, amanah, dan pengorbanan yang dipikul oleh ibu bapa demi memenuhi keperluan seisi keluarga.

Krisis dalam hubungan kekeluargaan juga menjadi isu yang diperkatakan remaja [P/BK/B/20/20] di *Facebook*. Antara perkara yang dibualkan remaja ialah isu keruntuhan rumah tangga atau kes penceraian ibu bapa. Perasaan dan pengalaman yang dihadapi remaja berikutan isu penceraian ibu bapa turut dikongsi melalui siaran (*posting*) *Facebook* sebagai satu bentuk luahan rasa hati dan coretan pengalaman peribadi. Jelas bahawa, identiti dan kelakuan sosial remaja (seperti yang dinyatakan dalam SIT) bersifat dinamik dan berubah mengikut situasi dan kebiasaan sosial, sama ada antara komuniti, keluarga atau sahabat. Jadual 1.6 di bawah memaparkan siaran remaja berkaitan tema kekeluargaan.

Jadual 1.6: Contoh siaran (*posting*) subtema kekeluargaan

AYAT	RESPONDEN	BUKTI LEKSIKAL	ISU
25	[P/SM/LB/21/2]	[sllu bt aq happy..], [Dia slalu mrh aq..], [Aq rindu dia yg dlu ya allah..] [Aq rindu muka dia. Aq rindu senyuman dia], [I miss everything about u dear ibu]	Ekspresi emosi
26	[P/SM/B/16/4]	[Selamat Hari Lahir buat Ibu], [terima kasih buat Abah yang telah membahagiakan Ibu]	Aktiviti - sambutan hari lahir, percutian
27	[L/SR/LB/13/2]	[krja brt utk tmpg sefamili], [doakn mrk siht2 shj..]	Peranan ahli keluarga/ pengorbanan
28	[P/BK/B/20/20]	[mati esok, jgn cr adik bradik kau, golek sendiri masuk kubur tau], [time gaduh], [dia tu drh dgg kau]	Krisis keluarga – pergaduhan, penceraian

Kesimpulannya, keempat-empat subtema (subtema percintaan, komuniti, persahabatan, dan kekeluargaan) telah menunjukkan satu pertalian dan menduduki kelompok tema yang hampir sama, iaitu perhubungan. Perkara ini turut diserlahkan melalui bukti leksikal dalam lingkaran yang hampir sama antara keempat-empat subtema iaitu, [aku], [dia], [kawan], [sahabat], [geng], [kita], [ibu], [mak cik], [adik beradik], [mak], [ayah], [ibu], [abah], [broken], [jatuh hati], [jodoh], [bahagia], [si dia], [setia], [hati], [gf], [*girlfriend*], [putus], [rindu], [merindu], [sayang], [setia], [nyawa], [hampa], [bahagia], [derita], [hati hancur], [sayang], [relationship], [*couple*], [kapel], dan [kahwin].



Gambar 1.0: *Tagcrowd* bagi tema perhubungan

Sebanyak 32 412 token yang diperoleh penyelidik semasa tempoh penelitian data telah berjaya menyerlahkan bukti-bukti leksikal melalui aplikasi *Tagcrowd* oleh Steinbock (2006). Antaranya ialah leksikal [jodoh], [*girlfriend*], [cinta], [dia], [kau], [kita], [setia], [si dia], [bahagia], [nyawa], [hati], dan [patah hati] seperti dalam gambar 1.0 di atas. Kesimpulannya, berbantuan penggunaan aplikasi *Tagcrowd* oleh Steinbock bersama-sama teori SIT, kelompok leksikal ini jelas menepati tema perhubungan.

Penyerlahan Personaliti Remaja

Bersandarkan penggunaan Teori SIT, penelitian terhadap tema perhubungan yang dibicarakan remaja dalam media *Facebook* berjaya dijelaskan. Pada masa yang sama, beberapa gambaran personaliti dan emosi remaja di Malaysia turut dikenal pasti. Dapatan melalui Teori SIT ini dikukuhkan dengan pernyataan dalam teori *Big Five Personality* yang menyatakan bahawa personaliti individu boleh diramal berdasarkan bahasa yang diujarkan (McCrae dan Costa, 1997). *Big Five Personality* ialah teori yang menjelaskan konsep keperibadian individu yang dipelopori oleh Gordon Allport. Terdapat lima kecenderungan personaliti yang dijelaskan menerusi teori ini, iaitu *extraversion*, *agreeableness*, *openness*, *neuroticism*, dan *conscientiousness*.

Kelakuan berbahasa individu menerusi komunikasi di *Facebook* mampu menggambarkan keperibadian seseorang. Keadaan ini menjadi prinsip SIT sebagai satu pendekatan paling berpengaruh terhadap identiti, proses kumpulan, hubungan antara kumpulan dan perubahan sosial. Oleh itu, hasil kajian mendapati remaja di Malaysia cenderung menunjukkan personaliti *extraversion* dan *neuroticism* dalam pergaulan harian mereka. *Extraversion* dicirikan sebagai individu yang cenderung untuk bersosial, bersikap ramah dan gemar berteman. Selain itu, personaliti *extraversion* juga digambarkan sebagai seorang yang terpengaruh dengan gaya hidup aktif sama ada antara sesama rakan sebaya, pasangan, keluarga, atau komuniti setempat. Personaliti *neuroticism* pula merujuk kepada individu yang cenderung menunjukkan pemilikan emosi yang negatif, seperti mudah tersinggung, cepat marah, mempunyai darjah kebimbangan yang tinggi dan mudah berasa cemas. Jadual 1.7 di bawah memaparkan gambaran sebenar personaliti remaja Malaysia melalui penggunaan bahasa melalui komunikasi di *Facebook*.

Berdasarkan jadual 1.7, remaja Malaysia turut menunjukkan personaliti *neuroticism* melalui komunikasi di media sosial *Facebook*. Penggunaan kata atau bahasa berlaku disebabkan oleh pengaruh emosi ketika berkomunikasi dalam *Facebook*. Kepelbagaian emosi ini menyebabkan remaja berkomunikasi tanpa batasan dengan

Jadual 1.7: Gambaran personaliti remaja Malaysia

SIARAN/ <i>POSTING</i>	BUKTI LEKSIKAL	PENYERLAHAN PERSONALITI
Gerak dulu beb! Join org2 kampung, cuci2, tebas2 hutan, clearkn logkg tsumbat, alkisahnyaa,, 2h lps, kg ku diserang denggi lorh... [L/BK/LB/20/2]	<i>Join org2 kampung, cuci2, tebas2 hutan, clearkn logkg tsumbat</i>	Personaliti <i>extraversion</i> - cenderung bersosial - gaya hidup aktif
Brsama memb2, hujg minggu, ronda2 mandi ar terjun ngn abg meh... maii laa.. hahhaa [L/IPT/B/20/27]	<i>ronda2 mandi ar terjun</i>	
Lepak2 kedai kopi, smbil mmbwang, ko igt xde ke pakcik bwg?! Ap korank expek?? Hhhaa [L/BK/LB/20/5]	<i>Lepak2 kedai kopi, smbil mmbwang</i>	
Dia dh putus 🗑️ knpe kw pkse sya untk tnggalkn kau .. knpe hrus ini yg brlaku .. pdhal sye dh jga kau baik2 sye dh bgi prhatian spnuhnya ngan kau .. dmne sye prgi .. sye x lupa untk bwah kau skali .. tpi mngapa mmilih untk putus ?? 🗑️ tlong lh sye x nk kau hlang bgtru jee .. sye x nk buang kau .. sye syg kau mcm nyawa sye sndri .. tlong jngn buat sye hampa .. jngn buat sye mcm ni .. kmbali lah .. 😞 #× pernah × sayang [P/SR/B/12/6]	<i>.. dmne sye prgi .. sye x lupa untk bwah kau skali .. tlong lh sye x nk kau hlang bgtru jee .. sye x nk buang kau tlong jngn buat sye hampa .. jngn buat sye mcm ni</i>	Personaliti <i>neuroticisme</i> - berasa bimbang - rasa tidak selamat
Ap nk jd l bdk melyu zmn skrg, muka lw hensem, prgai maciam syaitonn.. pmpn taraf pelacur.. kluar masuk hotel murh.. puihh.. aku peratii jerr [L/SM/B/17/4]	<i>prgai maciam syaitonn.. pmpn taraf pelacur.. puihh..</i>	Personaliti <i>neuroticisme</i> - bahasa kasar/kesat
Dia kantai curang! Me tkg dgn mta kepala me sdri kot, bf dgn ntah dtg mne bulshit girl dlm blk hotel, hye2 bye2 ! [P/BK/B/18/10]	<i>bulshit girl</i>	Personaliti <i>neuroticisme</i> - bahasa kasar/kesat

<p>Klu kt xjaga, sapa lg, sma2 bantu, tlg. Masyrkat kt aman, brsih. Jgn la selfish boodh! Xmau tlg xpe, mulut tu jgn bunyi ikut sdp ja.. ermm. #parohh [L/SM/LB/16/2]</p>	<p><i>selfish boodh!</i> <i>mulut tu jgn bunyi ikut sdp ja..</i></p>	<p>Personaliti <i>neuroticisme</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - suka melenting - mudah marah - mudah berasa
<p>“jgn tegur akulah,kubur masing2 kan!” haa betul la tu kubur masing2, esok dah mati nanti, jgn cr adik bradik kau, golek sendiri masuk kubur tau, #deep time gaduh xfikir ye, dia tu drh dgg kau [P/BK/B/20/20]</p>	<p><i>jgn tegur akulah, kubur masing2 kan!”</i></p>	<p>Personaliti <i>neuroticisme</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - suka melenting - mudah marah - mudah berasa

kepelbagaian isu, lebih-lebih lagi isu perhubungan. Isu ini semakin mendapat tempat dalam kalangan remaja, khususnya remaja yang belum melepasi alam persekolahan. Kelompok kecil ini memiliki kecenderungan untuk mengadu, mudah berasa cemas, mudah marah atau melenting terhadap sesuatu situasi.

Rumusan

Golongan remaja dilihat sebagai golongan yang dominan menggunakan media sosial dengan kepelbagaian ragam dan variasi bahasa dalam talian tanpa batasan. Hal ini dikukuhkan oleh pernyataan Androutsopoulos (2014), iaitu sosial media boleh membawa pengaruh terhadap perkembangan variasi bahasa sehingga mampu merungkai corak perbualan mereka. Tidak hairanlah, media sosial bertindak sebagai medium penting dalam menyerlahkan pola bersosial dalam kalangan remaja, seterusnya memberi impak terhadap trend perbualan remaja di negara ini. Melalui bahasa yang digunakan, kajian ini dilihat mampu menjelaskan topik perbualan remaja lebih-lebih dalam aspek sosial (perhubungan). Kajian ini dapat merungkai tema perbualan remaja Malaysia di *Facebook*. Berpandukan analisis SIT, teori ini juga meneliti keupayaan manusia menggunakan dan memanipulasi penggunaan bahasa, maka, gambaran kecenderungan personaliti *extraversion* dan *neurocitisme* dapat dipaparkan.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada penulisan tesis Ijazah Doktor Falsafah yang sedang diusahakan oleh penulis, Nor Fazilah Noor Din, bersama penyelia (Dr. Hishamudin Isam) di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Bibliografi

- Agung Santoso Pribadi, Margaretha Maria Shinta Pratiwi & Roestamadji Brotowidagdo. (2018). Motif afiliasi pengguna aktif facebook. *Proyeksi*, 6(2), 50-57.
- Ahmed Abbasi, Zhou, Y., Deng, S., & Zhang, P. (2018). Text analytics to support sense-making in social media: A language-action perspective. *MIS Quarterly*, 42(2), 427-464.
- Ahn, J. (2011). Digital divides and social network sites: Which students participate in social media? *Journal of Educational Computing Research*, 45(2), 147-163.
- American Academy of Pediatrics (2013). Children, adolescents, and the media. *Journal of American Academy of Pediatrics Clinical Report*, 132(5), 958-961.
- Anayet Hossain, F. M. & Md. Korban Ali. (2014). Relation between Individual and Society. *Open Journal of Social Sciences*, 2(8), 130-137.
- Androutopoulos, J. (2014). Beyond 'media influence'. *Journal of Sociolinguistics*, 18(2), 242-249.
- Arina Johari & Indirawati Zahid. (2016)). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(2).
- Asmah Haji Omar (2010). *Wacana Temuduga dan Wawancara*. (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (2007). Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P. (2015). Politeness and language. In *The international encyclopedia of the social and behavioural sciences (IESBS), (2nd ed.)* (pp. 326-330). Elsevier.
- Burk, W. J & Laursen, B. (2005). Adolescent perception of friendship and their association with individual adjustment. *International Journal of Behavioral Development, 29(2)*, 156-164.
- Crystal, D. (2001). *Language and the internet*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Daneš, F. (1974) Functional sentence perspective and the organisation of the text. In F. Daneš (ed.) *Papers on functional sentence perspective*. The Hague: Mouton. 106-128.
- Dariyo, A. (2015). Ketrampilan organisasi, kecerdasan emosi dan persahabatan. *Dalam Prosiding "Perkembangan Manusia dan Kesejahteraan Psikologis"*. Malang: Direktorat Program Pascasarjana Universitas Muhammadiyah.
- Dashtipour, P. (2012). *Social identity in question: Construction, subjectivity and critique*. London: Routledge.
- Dictionary, M. W. (1996). Merriam-Webster. *Incorporated, 10th edition edition*.
- Eastman, C. M. (1985). Establishing social identity through language use. *Journal of language and social psychology, 4(1)*, 1-20.
- Ellison, N. B., Steinfield, C., & Lampe, C. (2007). The benefits of Facebook "friends:" Social capital and college students' use of online social network sites. *Journal of _____*
- Eugene A. Nida. (1975). *Componential Analysis of Meaning*. Paris: Publishers The Hague.
- Fadzilah Kamsah dan Syaidatun Nazirah (2008). *Psikologi cinta*. Gombak: PTS Millennia Sdn. Bhd.

- Ghazali Lateh & Shamsudin Othman. (2016). Tinjauan interaksi lisan bahasa Melayu dalam kalangan remaja Malaysia dari sudut etnografi komunikasi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 30-40.
- Halliday, M. A. K. (1994). *An introduction to functional grammar*. (2nd Ed). London: Edward Arnold.
- Hargittai, E. (2007) Whose space? Differences among users and non-users of social.
- Huffaker, D. (2004). *Gender similarities and differences in online identity and language use among teenage bloggers* (Doctoral dissertation, Georgetown University).
- John I. Saeed. (2003). *Semantics*. United Kingdom: Wiley-Blackwell Ltd.
- Kawate, S., & Patil, K. (2017). Analysis of foul language usage in social media text conversation. *International Journal of Social Media and Interactive Learning Environments*, 5(3), 227-25.
- Khairul Ghazali. (2009). *Berdialog dengan Allah di keheningan malam*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.
- Lenhart, A., Duggan, M., Perrin, A., Stepler, R., Rainie, H., & Parker, K. (2015). *Teens, social media & technology overview 2015*. Pew Research Center [Internet & American Life Project].
- Maslida Yusof. (2018). Trend ganti nama diri bahasa Melayu dalam konteks media sosial. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 36-50.
- McCrae, R. R., & Costa Jr, P. T. (1997). Personality trait structure as a human universal. *American psychologist*, 52(5), 509.
- McKeown, S., Haji, R., & Ferguson, N. (2016). *Understanding Peace and Conflict Through Social Identity Theory*. Contemporary Global Perspectives. Switzerland: Springer.
- Mead, M. (1968). *Coming of age in Samoa*. New York: Dell.

- Mohamed Nazul Ismail, Ellyza Karim, Manisah Mohd Shah, Normah Ab. Aziz, & Haliza Hamzah. (2014). WhatsApp: Komuniti Maya dalam Teknologi Komunikasi Mudah Alih. *Sains Humanika*, 3(1), 23-30.
- Mohd Zuwairi Mat Saad, & Normah Mustaffa. (2018). Kandungan mesej twitter oleh ketua parti politik semasa pilihan raya negeri Sarawak 2016 (Twitter messages content by political party heads during the 2016 Sarawak state election). *e-Bangi*, 11(2), 406-426.
- Murphie, A., & Potts, J. (2017). *Culture and technology*. Macmillan International Higher Education.
- Murugan, K. (2018). *Strategi ketidaksantunan bahasa dalam komen Malaysiakini/Murugan Krishnan* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Nababan, P.W.J. (1984). *Sosiolinguistik: Suatu pengantar*. Jakarta: Gramedia.
- Norizah Aripin, Hasrina Mustafa, & Adnan Hussein. (2011). Instant Messaging (IM) used in the Workplace. *Journal of Techno-Social*, 3(1), 1-18.
- Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob & Helmi Abd. Rahim. (2013). Kebergantungan internet dan aktiviti online remaja di Lembah Kelang. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 1(29), 199-218.
- Norris, P. (2002). The bridging and bonding role of online communities. *Journal.sagepub.com*, 7(3), 3-13.
- Nor Shahila Mansor, Roslina Mamat, dan Rozita Che Omar. (2014). Ketidaksantunan Bahasa Sebagai Strategi Pujukan dalam Iklan Berbahasa Sepanyol. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 14(3), 207-223.

- O’Keeffe, G.S., Clarke-Pearson, K., & Council on Communications and Media. (2011). The impact of social media on children, adolescents, and families. *Journal of American Academy of Pediatrics Clinical Report*, 127(7), 800-804.
- Ping, A. L. (2005). Talking themes: The thematic structure of talk. *Discourse studies*, 7(6), 701-732.
- Rani Ardiawati, & Arief Sudrajat. (2018). Pola interaksi sosial dalam pengguna gadget anak sekolah dasar. *Paradigma*, 6(2), 1-6.
- Rohaidah Mashudi, Hawa Rahmat, Siti Rasyidah Sanudin, Sarinah Suliman, & Ahmad Musanif. (2017). Peraturan Interaksi Peristiwa Komunikatif Wawancara dalam Mahmood Akhbar (Rule of Interaction in the Press’ Communicative Events Interview). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(3), 70-85.
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim, & Normaliza Abd Rahim. (2012). Celahan dalam perbualan pemandu pelancong malaysia dan pelancong Jepun. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(3), 849-862.
- Rosmawati Harahap. (2011). *Kombur Jenaka Angkola Mandailing: Analisis Bentuk, Tema, dan Nilai* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Sabrina Sella Devi. (2018). *Hubungan antara pengungkapan diri melalui media social whatsapp dengan komunikasi interpersonal pada siswa semester empat SMA Negeri 1 Salatiga* (Doctoral dissertation, Universitas Diponegoro).
- Sacks, H., Schegloff, E., & Jefferson, G. (1974). A Simplest Systematics for the Organization of turn taking for Conversation. *Language*, 50, 696-735.
- Salim Ahmed, HainesSaah, R. J., Arfan R Afzal, TamTham, H., Mohammad Al Mamun, Hemmelgarn, B. R., & Turin, T. C. (2017). Userdriven conversations about dialysis through Facebook: A qualitative thematic analysis. *Nephrology*, 22(4), 301-307.

- Saville-Troike, M. (2003). *The Ethnography of Communication: An Introduction*. United Kingdom: Blackwell Publishing Ltd.
- SmithHefner, N. J. (2018). *Language, Youth and Identity in the 21st Century: Linguistic Practices across Urban Spaces*. Jacomine Nortier and Bente A. Svendsen, eds. Cambridge: Cambridge University Press, 2015. Xviii - 248.
- Sri Narti. (2017). Pemanfaatan “whatsapp” sebagai media komunikasi dosen. *Jurnal Professional FIS UNIVED*, 4(1), 26-44.
- Subrahmanyam, K., Reich, S. M., Waechter, N., & Espinoza, G. (2008). Online and offline social networks: Use of social networking sites by emerging adults. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 6(29), 420-433.
- Swart, J., Peters, C., & Broersma, M. (2018). Sharing and Discussing News in Private Social Media Groups: The social function of news and current affairs in location-based, work-oriented and leisure-focused communities. *Digital Journalism*, 1-19.
- Tajfel, H., Turner, J. C., Austin, W. G., & Worchel, S. (1979). An integrative theory of intergroup conflict. *Organizational identity: A reader*, 56-65.
- Twenge, J.M., Joiner, T.E., Rogers, M.L.M., & Martin, G.N. (2018). Increases in depressive symptoms, suicide-related outcomes, and suicide rates among u.s. adolescents after 2010 and links to increased new media screen time. *SAGE Journal*, 6(1), 3-17.
- Watie, E. D. S. (2016). Komunikasi dan media sosial (communications and social media). *Jurnal The Messenger*, 3(2), 69-74.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan, & Mohd Nur Hafizudin. (2011). Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 12(2), 321-328.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar, & Nur Uswah Ahmad Fauzi. (2018). Topik-Topik Komunikasi Dakwah Dalam Mesej Akidah Kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Sains Insani*, 3(2), 15-21.